KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

MALAYSIA PERKUKUH PEMULIHARAAN BIODIVERSITI SERANTAU

Malaysia terus memperkukuhkan usaha dan komitmennya dalam pemuliharaan biodiversiti serantau dengan pencalonan tiga kawasan perlindungan sebagai Tapak Warisan ASEAN (ASEAN Heritage Parks – AHP) iaitu Rezab Hidupan Liar Tengku Hassanal, Pahang, Taman Negara Bako dan Taman Negara Bukit Lambir, Sarawak. Turut dicalonkan ialah tiga Tapah AHP Vietnam iaitu Xuan Thuy National Park, Pu Mat National Park dan Dong Nai Culture and Nature Reserve.

Keputusan ini dibuat dalam Mesyuarat Lembaga Pemimpin Pusat Biodiversiti ASEAN ke-27 (ACB GB) di Langkawi semalam yang telah dipengerusikan oleh Atty. Jonas R. Leone, Setiausaha Bahagian Dasar, Perancangan dan Hal Ehwal Antarabangsa Filipina, dan Tuan S. Siva Kumar, Setiausaha Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) sebagai Timbalan Pengerusi. Dengan bermulanya Mesyuarat ke-27 ACB GB ini, maka secara rasminya NRES mengambil tanggungjawab sama ada sebagai tuan rumah atau pengerusi mesyuarat berkaitan alam sekitar, biodiversiti dan perubahan iklim di bawah kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2025.

Mesyuarat ACB GB ini dianjurkan oleh Pusat Biodiversiti ASEAN (ASEAN Centre for Biodiversity - ACB) bagi memperkukuh inisiatif biodiversiti serantau serta memuktamadkan persiapan penyertaan ASEAN ke Sidang COP 17 Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) yang bakal berlangsung di Yerevan, Armenia pada tahun 2026. Ini termasuk penyediaan Kenyataan Bersama ASEAN (AJS) berkaitan Biodiversiti yang akan disampaikan oleh Filipina sebagai Pengerusi ASEAN 2026 pada COP 17.

Mesyuarat turut menyaksikan pelancaran “Enhancing Conservation and Restoration of Wetlands and Peatlands in ASEAN” (EnCORE Wetlands) di mana Taman Negara Maludam, Sarawak dipilih sebagai tapak perintis Malaysia bersama-sama dengan Agusan Marsh Wildlife Sanctuary di Filipina. Di samping itu, mesyuarat juga menyambut baik penggubalan Pelan Kepelbagaian Biologi ASEAN (ASEAN Biodiversity Plan – ABP) 2024–2030 yang diselaraskan dengan Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework (KM-GBF).

NRES percaya Malaysia mampu menerajui usaha ke arah menyokong visi ASEAN untuk menjadi komuniti mampan, berdaya tahan dan inklusif menjelang tahun 2030.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
28 JULAI 2025

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763